

HASiL/2026/11/23 – 55

HASiL PERKUKUH KERJASAMA INDUSTRI, PERMUDAH PEMATUHAN CUKAI DAN TINGKAT KEYAKINAN KOMUNITI PERNIAGAAN

CYBERJAYA, 23 NOVEMBER 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus memperkukuh kecekapan pentadbiran cukai, khususnya urusan bayaran balik lebihan cukai, pelaksanaan e-Invois dan kemudahan pematuhan bagi memastikan persekitaran percukaian negara kekal responsif terhadap keperluan komuniti perniagaan.

Sehingga 31 Oktober 2026, kerajaan telah menyelesaikan bayaran balik lebihan cukai berjumlah RM20.271 bilion melibatkan 3.65 juta kes pembayar cukai. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM13.036 bilion telah dibayar balik kepada 206,234 pembayar cukai syarikat termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). HASiL akan terus memberikan perhatian kepada kecekapan pemprosesan, pengesahan tuntutan serta pengurusan bayaran balik, tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan tatacara yang berkuat kuasa.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dalam ucapannya sempena **Sesi Libat Urus Strategik HASiL Bersama Dengan Dewan Perdagangan dan Persatuan Perniagaan Tahun 2026** yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya hari ini.

Menurut beliau, komuniti perniagaan merupakan rakan strategik penting dalam pembangunan ekonomi negara. Justeru, hubungan dua hala antara HASiL dengan pihak industri perlu terus diperkasakan bagi memastikan isu berkaitan percukaian dapat dikenal pasti dan ditangani melalui pendekatan yang praktikal, konsisten serta mengambil kira realiti operasi perniagaan.

Selain itu, pelaksanaan e-Invois turut menunjukkan perkembangan yang signifikan apabila sebanyak **2.25 bilion e-Invois** telah dikemukakan oleh lebih **270,000 pembayar cukai** setakat **23 November 2026**. Penggunaan data e-Invois telah membantu usaha menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela apabila lebih 97,000 pembayar cukai tampil mengemukakan borang nyata bagi tahun-tahun terdahulu melibatkan cukai kena dibayar berjumlah RM1.68 bilion.

Sehubungan dengan itu, HASiL akan terus memberikan perhatian kepada aspek pendidikan cukai, penerangan teknikal dan kemudahan perkhidmatan bagi membantu komuniti perniagaan menyesuaikan diri dengan keperluan pendigitalan. Pendekatan ini turut mengambil kira perbezaan tahap kesiapsiagaan teknologi dan keupayaan sumber, khususnya dalam kalangan PMKS.

HASiL turut memaklumkan perkembangan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) yang memasuki Fasa 2 mulai 1 Januari 2027. Bagi membantu pembayar duti membuat peralihan kepada sistem tersebut, HASiL telah memberikan kelonggaran tanpa penalti sepanjang tahun 2026 bagi kesalahan mengemukakan Borang Nyata Duti Setem (BNDS) yang tidak tepat di bawah STSDS.

Sehingga 31 Oktober 2026, Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) Duti Setem yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026 telah menerima lebih 1.05 juta permohonan dengan penalti berjumlah RM184 juta diberikan remisi penuh.

Tambah beliau lagi, HASiL akan terus memberikan perhatian kepada kejelasan garis panduan, konsistensi pelaksanaan, keberkesanan saluran komunikasi serta mutu penyampaian perkhidmatan percukaian. Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak industri melalui sesi libat urus ini akan diteliti sebagai asas kepada tindakan susulan dan penambahbaikan pentadbiran cukai.

Melalui kerjasama berterusan dengan dewan perdagangan dan persatuan perniagaan, HASiL komited untuk menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela serta menyediakan persekitaran percukaian yang telus, saksama dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Sebarang pertanyaan, permohonan bantuan atau maklum balas boleh dikemukakan kepada HASiL melalui saluran komunikasi rasmi yang berikut:

a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / +603-8911 1000 (Panggilan Dari Luar Negara);
b) HASiL Live Chat bagi mendapatkan bantuan dan maklumat secara dalam talian;
c) HAFY Tax Assist, pembantu maya HASiL yang menyediakan panduan dan maklumat berkaitan percukaian dengan pantas dan mudah;

d) e-Janji Temu Sidang Video bagi mendapatkan khidmat konsultasi secara dalam talian bersama pegawai HASiL berdasarkan slot janji temu yang ditetapkan; atau

e) Borang Maklum Balas Pelanggan yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL di pautan https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 23 November 2026

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan sempena Sesi Libat Sesi Libat Urus Strategik HASiL Bersama Dengan Dewan Perdagangan dan Persatuan Perniagaan Tahun 2026 di Menara HASiL, Cyberjaya.



Antara wakil dewan perdagangan dan persatuan perniagaan yang hadir pada sesi hari ini.



KPE HASiL bergambar kenang-kenangan bersama dengan pengurusan kanan HASiL serta tetamu jemputan yang hadir.